

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6/9/2007

Dr. Mahathir sudah boleh bercakap, Abdullah datang melawat

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad yang selamat menjalani pembedahan pintasan koronari di Institut Jantung Negara (IJN) di sini semalam mula sedar pada pukul 3.30 petang ini dan sudah boleh berjenaka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula mengunjungi Dr. Mahathir pada pukul 5.15 petang dan menyampaikan salam semua menteri Kabinet kepada Dr. Mahathir melalui isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Ketika ditemui selepas kunjungan itu, Abdullah meminta rakyat mendoakan kesejahteraan bekas Perdana Menteri itu.

Sementara itu, anak Dr. Mahathir, Datuk Mokhzani berkata, sebaik sedar bapanya mengucapkan terima kasih kepada semua doktor dan jururawat yang terlibat dalam pembedahan tersebut.

"Sebaik sahaja boleh bercakap, bapa saya telah menanyakan sesuatu yang melucukan kepada ibu. Tetapi apa bendanya itu kena tanya beliau apabila beliau boleh bercakap dengan media nanti," katanya kepada pemberita di lobi IJN.

Mokhzani memberitahu, keadaan bapanya pada masa ini baik dan beransur pulih sebagaimana yang dijangkakan namun hanya ahli keluarga dibenarkan menemui Dr. Mahathir.

UM-6/9/2007
Beliau berkata, bapanya masih memakai alat bantuan pernafasan dan dijangka ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Kardiologi (ICU) sehingga hujung minggu ini sebelum dipindahkan ke wad lain berdasarkan nasihat doktor.

"Beliau telah bertanyakan kepada doktor apa yang mereka lakukan semasa pembedahan berlangsung.

"Tan Sri Dr. Yahya Awang yang mengetuai pembedahan itu telah menerangkan kepada beliau dan beliau telah memanggil doktor dan jururawat yang terlibat dalam pembedahan itu untuk berjumpa mereka," katanya.

Mokhzani bagi pihak keluarga mengucap-

kan terima kasih kepada orang ramai yang telah berdoa dan melakukan solat hajat untuk Dr. Mahathir.

Pembedahan ke atas Dr. Mahathir dilakukan oleh panel doktor yang diketuai oleh Dr. Yahya, pakar jantung terkemuka Malaysia, dari pukul 9.40 pagi hingga pukul 3.05 petang semalam.

Pembedahan selama lima jam itu merupakan pembedahan pintasan koronari kali kedua Dr. Mahathir, 81, selepas pembedahan pertama pada 24 Januari 1989 di Hospital Besar Kuala Lumpur.

■ Lihat muka 2